

15 DEC 2000

PAK LAH ANJUR MAJLIS BUKA PUASA

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meraikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan anggota Parlimen Barisan Nasional (BN) pada satu majlis berbuka puasa di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob, Menteri Besar Kedah Datuk Syed Razak Syed Zain dan Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Yang turut hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein.

Dr Mahathir, Abdullah dan para tetamu yang lain kemudian menunaikan solat Maghrib dan seterusnya solat Isyak dan sunat Tarawih.

-- BERNAMA

MHI NZ AKD